

Headline	Bajet2015 Tingkat peluang rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	14 Oct 2014	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	36	ArticleSize	102 cm ²
AdValue	RM 589	PR Value	RM 1,766



Bajet 2015: Tingkat peluang rakyat

ALOR SETAR - Bajet 2015 dilihat mampu menangani masalah kos sara hidup dengan pelbagai peluang keusahawanan.

Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Datuk Dr Noor Azlan Ghazali berkata, banyak pakej inisiatif ditawarkan dalam sektor keusahawanan buat ibu tunggal, wanita, belia dan bekas tentera.

Menurutnya, walaupun tidak dilakukan secara terus, rakyat perlu memanfaatkan peluang ini tanpa perlu bergantung kepada pemberian sagu hati.

"Contohnya dalam sektor Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS), usahawan digalakkan untuk meningkatkan dana pelaburan supaya sektor buruh boleh bergerak



NOOR AZLAN

melalui dana ditawarkan.

"Paling penting ialah perlu tingkatkan kemahiran," katanya selepas forum Post Budget 2015 anjuran Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

Beliau berkata, pengagihan bajet perlu seiring dengan peningkatan kecekapan dalam sektor perkhidmatan awam bagi mengelakkan ketirisan.